



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.31/ 2017

KEMUDAHAN PENGUNDIAN POS PADA PRU14 KEPADA SKIM ANGGOTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat SPR Kali Ke-776 yang bermesyuarat pada 25 September 2017 telah bersetuju menetapkan kategori skim anggota keselamatan dan kesihatan sebagai pengundi pos dan kemudahan pengundian secara pos ini dihadkan kepada kategori berikut:

- i. Anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- ii. Anggota Jabatan Penjara Malaysia
- iii. Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- iv. Anggota dan Petugas Kesihatan (Hospital dan Klinik Kerajaan sahaja)
- v. Anggota Sukarelawan Polis (PVR)

Kemudahan ini diberikan atas justifikasi bahawa anggota yang terbabit merupakan pemilih yang tidak dapat meninggalkan tugas mereka pada hari berkenaan untuk mengundi demi memastikan aspek keselamatan dan kesihatan rakyat terjamin.

Kemudahan ini akan dilaksanakan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dan pewartaannya telah dibuat pada 23 Oktober 2017 berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2013.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 17 November 2017